



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

STATUS “PELARIAN” ROHINGYA DI MALAYSIA

30 APRIL 2020

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum akan kekusaran awam yang timbul berhubung pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) daripada etnik Rohingya.
2. Sehingga Mac 2020, terdapat seramai 179,521 pemegang kad UNHCR yang tinggal secara sementara di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 56.6% atau 101,584 orang adalah daripada etnik Rohingya.
3. Dalam hal ini, KDN ingin menegaskan bahawa **Malaysia adalah bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967** sekali gus tidak mempunyai rangka kerja perundangan atau pentadbiran yang mengawal status dan hak pelarian di negara ini.
4. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian dan telah mengklasifikasikan mereka sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR.
5. Namun begitu, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan telah membenarkan **PATI yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini sebelum ditempatkan di negara ketiga oleh UNCHR** menerusi dasar “satu kes ke satu kes”.
6. Selain itu, hasil semakan KDN mendapati Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) tidak pernah mendaftarkan pertubuhan atas nama Rohingya atau mana-mana etnik Rohingya di Malaysia.
7. Justeru, mana-mana pertubuhan yang mewakili etnik Rohingya di Malaysia adalah tidak sah di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan boleh diambil tindakan mengikut lunas undang-undang.

8. Oleh yang demikian, pemegang kad UNHCR daripada etnik Rohingya tidak mempunyai sebarang status, hak dan asas untuk mengemukakan sebarang tuntutan kepada Kerajaan.
9. KDN melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya, komited dalam memastikan ketenteraman awam akan terus terpelihara dari masa ke masa. Sebarang tindakan pemegang kad UNHCR yang mengganggu-gugat ketenteraman awam dan bertentangan dengan undang-undang negara tidak akan terlepas daripada tindakan.
10. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima 19 laporan terhadap pemegang kad UNHCR daripada etnik Rohingya yang mana sebanyak empat kertas siasatan telah dibuka. Selain itu, 2 orang tekong warganegara Myanmar bakal dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan terlibat dengan sindiket menyeludup masuk PATI yang memegang kad UNHCR ke dalam negara.
11. Merujuk tindakan pihak berkuasa Malaysia tidak membenarkan bot yang membawa etnik Rohingya memasuki kawasan perairan negara pada 17 April lalu, KDN menegaskan langkah itu adalah berlandaskan undang-undang bagi menjaga kedaulatan sempadan negara daripada diceroboh.
12. Bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan pihak berkuasa Malaysia telah mengagihkan bekalan makanan sebelum mengiringi bot tersebut keluar dari kawasan perairan negara.
13. Tindakan memperketatkan sempadan termasuk lorong-lorong tikus bagi menghalang pencerobohan PATI, adalah selari dengan langkah Kerajaan menutup pintu masuk negara kepada warga asing bagi memutuskan rantai penularan wabak Covid-19.
14. KDN ingin menegaskan bahawa pihak berkuasa akan terus bersiap-siaga bagi menghalang sebarang pencerobohan terhadap sempadan mahupun perairan negara. Pada masa yang sama, PATI yang memegang kad UNHCR di Malaysia diingatkan agar terus menghormati dan mematuhi undang-undang di negara ini.

DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN

MENTERI

Kementerian Dalam Negeri

Putrajaya
